

Headline	BAT Malaysia raih 4 anugerah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	46	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	200 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,879
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,636



**SAMANMALI** (dua dari kanan) pada majlis Anugerah Kecemerlangan Sumber Manusia Asia 2016.

## BAT Malaysia raih 4 anugerah

**Kuala Lumpur:** British American Tobacco (BAT) Malaysia menerima empat anugerah pada majlis Anugerah Kecemerlangan Sumber Manusia Asia 2016 yang diadakan, di sini, baru-baru ini.

Syarikat berkenaan memenangi satu emas bagi kategori Program Pengambilan Kakitangan Untuk Graduan Terbaik, dua perak masing-masing bagi kategori Program Rujukan Kakitangan Terbaik dan Penggunaan Teknologi Pengambilan Kakitangan Terbaik manakala gangsa untuk kategori Pengalaman Calon oleh Kumpulan Korporat Terbaik.

Anugerah anjuran sebuah majalah sumber manusia terkenal Asia itu mengiktiraf organisasi daripada segi kemantapan serta kecekapan Jabatan Sumber Manusia dan amalan pengurusan pekerja dalam memenuhi keperluan serta pertumbuhan perniagaan, pekerja, industri mahupun negara.

Sementara itu, Pengarah Sumber Manusia BAT Malaysia Samanmali Chandrasiri berkata, syarikatnya berbangga mendapat pengiktirafan itu dan akan meneruskan melaksanakan amalan terbaik industri.

Katanya, kemenangan itu

juga membuktikan komitmen kumpulan untuk pembangunan kakitangan secara berterusan termasuk aspek komunikasi hubungan, nilai tanggungjawab, menghormati kepelbagaian dan memastikan peningkatan kemahiran serta kebajikan kakitangan secara berterusan.

“Pengiktirafan ini menunjukkan pelan kerja, dasar dan inisiatif kami setaraf dengan amalan terbaik di dunia dan akan terus membuat rancangan masa depan untuk pengambilan pekerja yang berkualiti,” katanya.